



Bahasa Melayu (5 & 6 Tahun)

Pemahaman

Topik: Cuaca

Baca petikan dan jawab soalan berdasarkan petikan.

Pada hari yang cerah, matahari bersinar terik. Ramai orang akan melakukan aktiviti seperti bermain bola sepak dan bermain basikal. Hari yang cerah juga merupakan waktu yang sesuai untuk menjemur pakaian kerana pakaian akan lebih cepat kering.

Apabila cuaca menjadi mendung, ia bermaksud bahawa hujan akan turun. Awan menjadi gelap dan angin juga boleh menjadi semakin kuat.

Air hujan akan menyuburkan tanah dan pokok-pokok akan tumbuh. Ketika hujan, semua orang hanya duduk di rumah atau di tempat yang berbumbung supaya tidak basah.

Kadangkala, ribut petir boleh berlaku. Angin menjadi sangat kuat dan kita dapat melihat petir di langit. Ramai orang berasa takut apabila ribut petir berlaku kerana bunyi guruh yang kuat dan hujan sangat lebat.

- | | |
|--|---|
| <p>1. Apakah maksud hari yang cerah?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Apabila hujan turun.b. Apabila matahari bersinar terik.c. Apabila awan menjadi gelap.d. Apabila ada bunyi guruh. <p>2. Mengapakah hari yang cerah adalah waktu yang sesuai untuk menjemur pakaian?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Pakaian akan lebih lambat kering.b. Pakaian akan menjadi lebih cantik.c. Pakaian akan lebih cepat kering.d. Pakaian akan menjadi sejuk. <p>3. Apakah yang berlaku ketika cuaca mendung?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Tiada awan di langit.b. Panas terik.c. Awan menjadi gelap.d. Hujan sedang turun. | <p>4. "Hujan membuatkan tanah menjadi subur." Betul atau salah?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Betulb. Salah <p>5. Apakah yang kelihatan di langit apabila ribut petir berlaku?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Bulan.b. Bintang.c. Planetd. Petir. <p>6. Mengapakah ramai orang takut ketika ribut petir berlaku?</p> <ul style="list-style-type: none">a. Kerana bunyi guruh.b. Kerana matahari terlalu panas.c. Kerana ada pelangi.d. Kerana sangat sejuk. |
|--|---|